

**Pemuda BN Gesa Pembangkang Nyata Pendiri Berhubung Isu Hina Agong
Bernama
3 Jun, 2013**

ALOR SETAR, 3 Jun (Bernama) -- Pemuda Barisan Nasional (BN) Kedah menggesa pakatan pembangkang menyatakan pendirian berhubung perbuatan seorang individu yang dipercayai mengeluarkan kenyataan menghina Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah menerusi Facebook.

Timbalan Ketuaanya Haris Che Mat berkata setakat ini pembangkang mengambil sikap berdiam diri sedangkan perbuatan individu berkenaan mengguris hati rakyat di negara ini.

Pemuda BN juga meminta polis menyiasat dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap individu berkenaan, katanya kepada pemberita selepas membuat laporan polis mengenai isu itu, di Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Setar, di sini hari ini.

Ketua Pemuda Gerakan Kedah Tan Keng Liang yang turut hadir pula mempersoalkan sikap pembangkang yang jelas mengamalkan 'double standard' kerana hanya lantang bersuara terhadap isu tertentu.

Ini satu lagi senario yang harus diteliti rakyat kerana ini mencerminkan apa yang pembangkang boleh lakukan pada masa depan, katanya.

Sementara itu Timbalan Ketua Pemuda MCA Kedah Tan Chee Hiong menegaskan perbuatan mengutuk dan mengeluarkan kenyataan berbaur penghinaan itu bukan budaya orang Malaysia.

Dalam akaun Facebooknya, seorang individu yang menamakan dirinya Melissa Gooi memaparkan kenyataan mempersenda titah ucapan Yang di-Pertuan Agong sempena hari keputeraan Seri Paduka Baginda pada 1 Jun lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=953661>